

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP**  
**KAWASAN : SEKIJANG**  
**TARIKH : 14 OKTOBER 2014, SELASA**

**SOALAN:**

**YB. TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP (SEKIJANG) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan:-**

- (a) apakah status Projek Perlebaran Tangkak - Segamat setakat ini; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang mempercepatkan Fasa 1A projek ini kerana ia melibatkan kawasan sekitar Bandar Segamat.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

(a) Projek menaik taraf Jalan Tangkak ke Segamat, Johor telah diluluskan oleh Kerajaan dalam RMKe-10. Skop projek ini melibatkan menaik taraf jalan sedia ada daripada dua lorong dua hala kepada empat lorong dua hala sepanjang 64km. Pembinaan projek ini turut melibatkan kerja-kerja menaik taraf 19 unit jambatan di sepanjang laluan berkenaan, termasuk menggantikan 14 jambatan yang sedia ada.

Pelaksanaan projek ini telah dibahagikan kepada 6 pakej pembinaan, Pakej 1B telah dimulakan pada 1 November 2011 dan dijangka siap mengikut kontrak pada 31 Disember 2014. Harga kontrak untuk projek ini ialah sebanyak RM134 juta. Pada masa kini kemajuan kerja sebenar di tapak ialah 60% berbanding 75% mengikut jadual asal. Kelewatan pelaksanaan projek ini disebabkan oleh masalah berkaitan pengambilan tanah, pengalihan kubur dan pengalihan utiliti. Manakala Pakej 2 pula telah dimulakan pada 14 Mac 2012 dan dijangka siap pada 8 April 2015. Kemajuan projek untuk fasa ini adalah mengikut jadual, iaitu 62%. Di samping itu Pakej 3 (Jementah ke Sagil) baru sahaja menerima kelulusan Agensi Pusat dan kini sedang dalam proses pengambilan balik tanah.

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan pembinaan untuk pakej-pakej yang lain, termasuk Pakej 1A di Bandar Segamat telah dikemukakan kepada Agensi Pusat untuk tujuan kelulusan peruntukan 2015. Pakej-pakej ini akan ditender sebaik sahaja

kementerian ini menerima kelulusan peruntukan daripada Agensi Pusat.

Sekian. Terima kasih.

